

# DIARI JKSB

Edisi 3 /Julai — Sept. 2018



**THUMBS UP! JKSB**

# Kata-Kata Aluan

**Ketua Jabatan**



Assalamualaikum w.r.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi, Diari JKSB dapat terus diterbitkan dengan edisi yang ketiga pada tahun 2018 ini. Syabas dan tahniah kepada pasukan editor Diari JKSB yang diterajui oleh Dr. Faisal Sheikh Khalid. Syukur dan syabas juga kepada semua warga JKSB yang telah berjaya dalam pelbagai aspek sehingga saat ini. Jelas, warga JKSB sebenarnya mampu menjulang amanat yang telah diamanahkan dengan jayanya. Keyakinan ini bertambah dengan melihat kejayaan, komitmen dan semangat yang tinggi warga JKSB. Berkat usaha dan doa, saya yakin, warga JKSB akan terus meningkatkan prestasi dan kejayaan untuk suku ketiga tahun 2018 dengan mencipta lebih banyak kejayaan dan kegemilangan bersama.

Saya bagi pihak jabatan ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga JKSB yang telah memberikan komitmen terunggul sepanjang pengajaran dan pembelajaran semester lepas. Semoga momentum ini akan dikekalkan pada semester ini. Kita juga telah menerima kedatangan semula Dr. Norfaniza Mokhtar yang telah berjaya menyelesaikan pengajian di peringkat PhD dan kembali menabur jasa di JKSB. Tahniah Dr. Norfaniza Mokhtar dan terus maju jaya.

Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua staf JKSB untuk mengharungi sesi pengajaran dan pembelajaran semester 1 2018/2019. Semoga kualiti pengajaran dan pembelajaran pada semester ini akan terus dipertingkatkan dan digandakan. Seterusnya, marilah kita untuk terus berganding bahu dan komited dalam melaksanakan tugas kita sepanjang semester ini. Semoga semua perancangan dan pelaksanaan kita akan terus dipermudahkan. Inshaallah.

Sekian, Wassalam.

**Ketua Editor**



Alhamdulillah, Diari JKSB edisi ketiga untuk tahun 2018 telah berjaya disempurnakan. Penampilan Diari kali menggambarkan gerak kerja dan usaha untuk memasuki suku ketiga tahun 2018. Pelbagai perkongsian oleh warga JKSB dapat memberi manfaat kepada keseluruhan jabatan. Terima kasih dan syabas atas segala perkongsian yang bermanfaat untuk seluruh warga JKSB. Tahniah.

Sekian, Wasalam

**Sidang Editor**

**Penaung**

*Dr. P.M. Dr. Abd Halid Abdullah*

**Penasihat**

*Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali*

**Ketua Editor**

*Dr. Faisal Sheikh Khalid*

**Penyumbang Artikel**

*Dr. Goh Wan Inn*

*Dr. Faisal Sheikh Khalid*

*Dr. Nor Hazurina Othman*

*Dr. Salehuddin Shah Ayop*



*Photo by Faisal Sheikh*

**If You Are Working  
On Something  
That You Really  
Care About, You  
Don't Have To Be  
Pushed. The  
Vision Pulls You.**

**Steve Jobs**


# IDEERS: PELAJAR FKAAS DI BUMI TAIWAN

Oleh: Dr. Goh Wan Inn

Introducing and Demonstrating Earthquake Engineering Research in Schools (IDEERS) 2018 yang di bawah anjuran National Applied Research Laboratories (NARL), The National Centre for Research on Earthquake Engineering (NCREE), dan National Science and Technology Centre for Disaster Reduction (NCDR) telah berlangsung di Taiwan dari 11 September 2018 sehingga 17 September 2018. Pertandingan ini telah diadakan pada setiap tahun pada bulan September bagi memperingati kejadian Chi Chi Earthquake yang telah melanda Taiwan pada tahun 1999. Penyertaan untuk pertandingan tersebut telah dibuka kepada tiga kategori peserta, iaitu bagi pelajar High School, Undergraduate and Postgraduate. Terdapat 42 kumpulan pelajar untuk kategori High School, 49 kumpulan pelajar untuk kategori Undergraduate dan 16 kumpulan untuk kategori Postgraduate. Seramai 7 orang pelajar yang bernama Goh Shing Yi, Lim Zi Jun, Ng Li Wei, Sak Qi Yao, Lai Kok Jack, Lee Jia Dhung dan Loo Yi Ting dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) diiringi oleh seorang pensyarah Dr. Goh Wan Inn telah mewakili UTHM untuk menyertai pertandingan tersebut dengan membekalkan semangat ingin cuba dan keinginan untuk memperoleh pengalaman bertanding di peringkat antarabangsa. Terdapat 2 kumpulan pelajar yang dihantar untuk menyertai pertandingan, tetapi hanya satu kumpulan yang dapat dipilih sebagai kumpulan peserta manakala satu kumpulan lagi sebagai kumpulan pemerhati. Kumpulan peserta yang terdiri daripada Goh Shing Yi, Lim Zi Jun, Ng Li Wei dan Sak Qi Yao dengan pengiring, Dr. Goh Wan Inn telah memperoleh Earthquake Resistance Award untuk pertandingan IDEERS 2018.



Pasukan FKAAS di Taiwan



Struktur diuji di atas Shaker Table



921 Earthquake Museum of Taiwan



Model UTHM

## PEMURNIAAN: FAIL ISO JKSB

Oleh: Dr. Faisal Sheikh Khalid

Pembersihan dan pemurnian ruang rak fail ISO JKSB telah dijalankan oleh staf JKSB bagi memastikan proses pemfailan dan penstrukturan ruang fail JKSB tersusun dan terjaga. JSKB sangat komited dan prihatin akan pemurniaan fail kursus pada setiap penghujung semester pengajian bagi memastikan kelancaran dan kualiti pengurusan fail ISO JKSB yang cekap. Seterusnya, membantu fakulti mencapai objektif dan aras kualiti yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, usaha yang dijalankan oleh pihak jabatan ini dapat diperkasakan lagi dengan menyarankan penyelaras menghantar fail ISO kursus yang lengkap tepat pada masanya. Aktiviti ini akan sentiasa dijalankan pada penghujung semester pengajian kursus. Tahniah warga JKSB atas komitmen yang diberikan.



Bilik ISO Fail P&P di Aras 2, South Tower



Ruang Rak yang telah tersedia dan dilabelkan

## CASE STUDY: SINKHOLE MITIGATION TECHNIQUE IN THE RAILWAY TRACK STRUCTURE

Oleh: Dr. Faisal Sheikh Khalid

Pada 12 Ogos 2018 telah berlangsung mengenai Case study on the sinkhole mitigation technique in the railway track structure yang diadakan di Bilik Mesyuarat 1. Sehubungan dengan perkembangan teknologi laluan keretapi di Malaysia, perkongsian mengenai kajian terkini di tapak seperti *sinkhole mitigation technique* telah dipertonton dan diterangkan kepada warga JKSB. Teknik dan teknologi yang digunapakai dapat membantu untuk memberi inspirasi dan perkembangan idea mengenai teknologi ini untuk penyediaan geran dan aktiviti-aktiviti kajian lapangan.



Pembentangan daripada ahli panel

# MESYUARAT JABATAN KEJURUTERAAN STRUKTUR DAN BAHAN BIL.2/2018

Oleh: *Dr. Faisal Sheikh Khalid*

Mesyuarat Jabatan Kejuruteraan Struktur dan Bahan Bilangan 2 tahun 2018 telah berlangsung pada 13 Ogos 2018 di Bilik Mesyuarat 1. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ketua Jabatan JKSB, Dr. Mohd Zurisman Mohd Ali. Ketua jabatan menyampaikan amanat dan pesanan daripada pengurusan tertinggi universiti dan fakulti kepada warga JKSB untuk terus melaksanakan segala sasaran dan aktiviti yang telah disasarkan agar meningkatkan data saing fakulti dan universiti. Mesyuarat ini juga membantu melancarkan proses kerja JKSB dan aktiviti yang akan direncanakan bagi mencapai sasaran.



Taklimat dan penerangan oleh Ketua jabatan JKSB, Dr. Ahmad Zurisman



Sesi bergambar oleh ahli jabatan

## SELAMAT BERTUGAS DR. NORFANIZA

Oleh: *Dr. Faisal Sheikh Khalid*

Seluruh warga jabatan mengucapkan ribuan tahniah dan maju jaya kepada Dr. Norfaniza Mokhtar setelah kembali bertugas di JKSB pada 2 Ogos 2018. Semoga segala ilmu dan pengalaman beliau sepanjang pembelajaran dapat membantu jabatan dan komited membangunkan kecermerlangan pelajar.



Dr. Norfaniza bertemu Ketua Jabatan pada hari pertama beliau kembali bertugas

# GEOPOLYMER DAN GREEN MATERIALS SYMPOSIUM: KEYNOTE SPEAKER

Oleh: *Dr. Faisal Sheikh Khalid*

Dr. Ahmad Zurisman telah dilantik selaku keynote speaker di 2<sup>nd</sup> CEGEOGTECH-MTEC, Geopolymer dan Green Materials Symposium yang berlangsung di Hotel Sentral Seaview, Pulau Pinang, Malaysia. Pengalaman beliau yang luas dalam bidang kajian dan penyelidikan geopolymer dapat membantu ramai ahli penyelidik dalam menguasai bidang ini. Perkongsian penyelidkan beliau ke arah pembangunan kajian penyelidikan geopolymer sebagai bahan ganti yang lestari di dalam konkrit. Malahan, beliau telah menekankan aspek kekuatan dan ketahanan lasakan geopolymer sebagai bahan ganti simen berbanding konvensional konkrit di pasaran. Warga JKSB mengucapkan tahniah atas jemputan beliau dan semoga momentum beliau dapat diteruskan lagi dari masa ke masa.



Perkongsian ilmu dan pengalaman kajian beliau dalam geopolymer



Sesi bergambar bersama peserta

## TAHNIAH, ATAS PELANTIKAN PENOLONG SETIAUSAHA PERSATUAN PENSYARAH & PENGAJAR (PERKASA)

Oleh: *Dr. Faisal Sheikh Khalid*

Tahniah diucapkan kepada Dr. Ahmad Zurisman Mohd Ali atas pelantikan beliau selaku penolong setiausaha PERKASA, UTHM bagi sesi 2018-2020. Warga JKSB mengucapkan tahniah dan syabas atas pelantikan ini. Semoga segala usaha dalam memperkasakan PERKASA dapat dijalankan dengan baik, bagi memastikan kebajikan dan kesatuan pekerja terjaga.

PERKASA PERSATUAN PENSYARAF DAN PENGAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (PERKASA UTHM) SESI 2018-2020				
<b>PRESIDEN</b> DR. AHMAD ZURISMAN BIN MOHD ALI	<b>SETIAUSAHA</b> PUAN NORASHIKIN BINTI ABDUL HAMID	<b>PRESIDEN</b> PROF. DR. YUSRI BIN YUSOF	<b>BENDAHARI</b> PM DR. ABDUL JAUH BIN OSMAN	<b>PEN. BENDAHARI</b> DR. KHADIJAH BINTI MD ARIFIN
<b>BIRO FASULTI, PERSERTAJAN DAN KESELAMATAN PEKERJA</b>	<b>BIRO PERKHIDMATAN, PERIAWATAN DAN PERLUNDANGAN</b>	<b>TIMBALAN PRESIDEN</b> PM DR. MOHAMMAD SUKRI BIN MUSTAFA	<b>BIRO KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA</b>	<b>BIRO PERKHIDMATAN, PERIAWATAN DAN PERLUNDANGAN</b>
<b>KETUA BIRO</b> TS. HAFIZUDDIN BIN HEHSAN BIRO PEMBANGUNAN PROFESIONAL DAN KHIDMAT MASYARAKAT	<b>TIMBALAN BIRO</b> DR. SITI SARAH BINTI OSMAN	<b>KETUA BIRO</b> PM DR. MOHD YUSUF BIN MUHAMMAD	<b>TIMBALAN BIRO</b> PM DR. KAMARULZAKI BIN MUSTAFA	<b>BIRO PERKHIDMATAN, PERIAWATAN DAN PERLUNDANGAN</b>
<b>KETUA BIRO</b> PM DR. HARYATI BINTI SHAFFI	<b>TIMBALAN BIRO</b> DR. MOHAMMAD ALI BIN SELIMAN	<b>KETUA BIRO</b> PM DR. MOHD AZIB BIN MOHAMMAD RAZI	<b>TIMBALAN BIRO</b> TN HJ SALMAN BIN SALAM	

Dr. Ahmad Zurisman dilantik selaku Penolong Setiausaha PERKASA Sesi 2018-2020

# KERJA PEMBERSIHAN DI MAKMAL E17

*Oleh: Dr. Faisal Sheikh Khalid*

Pada 29 Ogos telah berlangsung kerja-kerja pembersihan makmal struktur E17 bagi memastikan kebersihan dan keselamatan pengguna makmal terjaga. Kerja-kerja ini juga dapat mengoptimumkan ruang penggunaan makmal untuk aktiviti pembelajaran dan penyelidikan para pelajar. Pihak jabatan komited untuk memberikan yang terbaik kepada para pelajar semasa menggunakan makmal untuk proses pembelajaran dan penyelidikan para pelajar. Kerja-kerja pembersihan ini akan sentiasa dilakukan secara berkala bagi memastikan kualiti makmal dalam keadaan terbaik.



Proses pembersihan sisa makmal dan sampel yang telah digunakan di makmal

